

Bil. S 89

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA KESALAHAN-KESALAHAN KECIL (PINDAAN), 2006

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
 2. Pindaan bab 2 dari Penggal 30.
 3. Pindaan bab 12.
 4. Pemasukan bab 32A baru.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA KESALAHAN-KESALAHAN KECIL (PINDAAN), 2006

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Fasal (3) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini hendaklah digelar sebagai Perintah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil (Pindaan), 2006.

Pindaan bab 2 dari Penggal 30.

2. Bab 2 dari Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta utama, adalah dipinda dengan memasukkan takrifan baru yang berikut sejurus selepas takrifan "di atau berdekatan dengan sebarang jalan raya awam" —

" "Menteri" bermakna Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; ".

Pindaan bab 12.

3. Bab 12 dari Akta utama adalah dipinda dalam ceraiian (1) —

(a) dengan memasukkan ", Merinyu Bandaran, Merinyu Kesihatan, mana-mana Pegawai Daerah dan mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya, Ketua Pengarah Kerja Raya dan mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya, dan Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dan mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya" sejurus selepas "polis" di mana perkataan itu terdapat lima baris dari hujung;

(b) dengan menambah "dan dihukum penjara bagi suatu tempoh yang tidak melebihi dari 3 bulan" sejurus selepas "\$3,000".

Pemasukan bab 32A baru.

4. Akta utama adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 32 bab 32A baru yang berikut —

"Kuasa untuk menyiasat.

32A. Mana-mana orang yang diberi kuasa atas nama atau atas jawatan oleh Menteri dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*, berkenaan dengan sebarang kesalahan di bawah bab 12 atau sebarang kesalahan di bawah Akta ini hendaklah mempunyai kuasa untuk menyiasat mengenai sesuatu kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini atau sebarang aturan yang dibuat di bawahnya."

Diperbuat pada hari ini 18 haribulan Ramadan, Tahun Hijrah 1427 bersamaan dengan 11 haribulan Oktober, 2006 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM